

Jika bunuh polis dianggap kejahatan

# PM **ingat**kan rakyat negara akan huru-hara

**Y** KUALA LUMPUR 16 Dis — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa negara akan menjadi huru-hara sekiranya tindakan sesetengah pihak membunuh anggota polis dianggap sebagai satu kejahatan dan ditiru oleh pihak lain.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak harus merayakan kematian anggota polis kerana mereka telah banyak berkorban untuk menjaga keselamatan negara.

Menurut beliau, rakyat harus bersyukur kerana khidmat polis di negara ini adalah baik berbanding dengan sesetengah negara lain sehingga menyebabkan rakyat negara tersebut bimbang untuk keluar waktu malam kerana takut disamun.

"Sebahaknya, kita di sini selamat hingga kita boleh berjalan ke mana-mana, siang dan malam kerana keadaan aman dan ini adalah hasil kerja polis,"

katanya ketika berucap di Majlis Penagruagahan Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis di negara ini adalah pengaman dan bukan pengganas walaupun mereka diberi senjata api dan diberi kuasa untuk menggunakannya.

Menurutnya, penggunaan senjata dengan sewenang-wenangnya akan menyebabkan banyak berlaku kematian seperti yang berlaku di Israel—polis menembak rakyat yang tidak bersenjata atau hanya membaling batu sahaja.

Sebaliknya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, polis di negara ini hanya akan menggunakan senjata pada ketika tertentu sahaja seperti berhadapan dengan komunis atau perompak bersenjata.

"Walaupun polis berhadapan

dengan demonstrasi, tetapi mereka berhati-hati menggunakan senjata dan hanya menggunakan gas pemedih mata atau rotan untuk menyuraikan hujuk perasaan," ujar beliau.

Katanya, walaupun biasa berlaku anggota polis ditahan oleh pihak tertentu seperti yang berlaku di Pantai Timur, tetapi polis berhati-hati sehingga tidak membinasakan mana-mana pihak.

Beliau memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku polis menembak orang ramai sekiranya mereka (orang ramai) tidak menggunakan senjata menentang pasukan itu.

Beliau menegaskan, mencela polis dan menganggap kematian mereka hanya sia-sia, membuktikan rakyat tidak bersyukur serta menghargai pengorbanan mereka yang telah bertugas menjaga keamanan serta keselamatan negara.

"Amat tidak adil dan tidak

baik... kita bukan sahaja mencela tugas mereka tetapi juga mempermain-mainkan pengorbanan polis," kata beliau sambil menyifatkan tindakan merayakan kematian polis sebagai menyedihkan.

Ketika ditanya oleh para pemberita kemudiannya sama ada ucapan beliau itu merujuk kepada isu Memali, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Polis telah banyak berkorban, malah ramai yang telah mati kerana ditembak komunis kerana bertugas untuk menyelamatkan kita.

"Oleh itu, kita kena hargai tugas polis dan tidak membuat sesuatu yang membinasakan mereka atau membunuh mereka, lebih-lebih lagi kita tidak harus merayakan kematian pegawai polis seolah-olah kematian mereka tidak ada harga sama sekali kepada kita."